



JABATAN PERDANA MENTERI  
KOMPLEKS JABATAN PERDANA MENTERI  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
62502 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Telefon: 03 - 8888 1957  
Faks : 03 - 8888 3904

---

Rujukan Kami : JPM100-17/5 Jld.11 (68)

Tarikh : 7 Mei 2013

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Pihak Berkuasa Berkanun  
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

---

**SURAT PEKELILING AM BILANGAN 3 TAHUN 2013**

---

**PENGGUNAAN SISTEM PENERBANGAN BAGI PERJALANAN UDARA  
RASMI DOMESTIK DAN LUAR NEGARA ANGGOTA PERKHIDMATAN  
AWAM**

**TUJUAN**

Surat Pekeliling Am ini bertujuan menetapkan peraturan penggunaan sistem penerbangan bagi perjalanan rasmi domestik dan luar negara pegawai awam.

**TAFSIRAN**

2. Bagi maksud pemakaian Surat Pekeliling Am ini, takrif:

“pegawai awam” ialah pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan, yang dilantik secara tetap, sementara dan kontrak;

“Sistem Penerbangan Nasional” adalah merujuk kepada syarikat penerbangan Malaysia Airlines; dan

“Sistem Penerbangan Negara” adalah merujuk kepada mana-mana syarikat penerbangan yang diluluskan lesen perkhidmatan udara (penumpang) oleh Kerajaan.

## **LATAR BELAKANG**

3. Pada masa ini, peraturan dan tatacara penggunaan perkhidmatan syarikat penerbangan oleh pegawai awam bagi perjalanan rasmi domestik adalah seperti yang ditetapkan dalam Surat Pekeliling Am Bilangan 4 Tahun 1998 iaitu *Penggunaan Sistem Penerbangan Selain Daripada Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) Untuk Penerbangan Domestik* manakala bagi perjalanan rasmi ke luar negara mengikut peraturan di dalam Surat Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 2008 iaitu *Penggunaan Sistem Penerbangan Bagi Perjalanan Rasmi Ke Luar Negara Anggota Perkhidmatan Awam*.

4. Kini, selain Malaysia Airlines dan AirAsia, Malindo Air yang juga syarikat penerbangan milik negara, turut menawarkan perkhidmatan penerbangan ke destinasi luar negara. Berikutan perkembangan tersebut, Kerajaan telah meluluskan supaya pegawai awam yang perjalanan udara mereka ditaja oleh Kerajaan bagi urusan dan tugas rasmi diberi pilihan untuk menggunakan perkhidmatan syarikat penerbangan yang diluluskan oleh Kerajaan sebagai Syarikat Penerbangan Negara bagi penerbangan domestik dan ke luar negara.

## **PELAKSANAAN**

5. Melalui Surat Pekeliling Am ini, ditetapkan supaya semua perjalanan udara bagi penerbangan domestik dan ke luar negara bagi semua pegawai awam dan mereka yang

